

**PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN
UNDANGAN UNTUK MEMBERI ULASAN**

No. Rujukan : ES14440001
 Kepada : Semua Pihak yang Berkepentingan
 Tarikh : 16 Januari 2020
 Tajuk : Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkaitan Audit Pensijilan Semula Terhadap Unit Pengurusan Hutan Perladangan (FPMU) Segan Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan PEFC MTCS

SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM QAS International) akan menjalankan audit pensijilan semula untuk pensijilan pengurusan hutan di FPMU Segan yang diuruskan oleh Syarikat Samling Timber Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International adalah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Penilaian pensijilan akan menilai amalan pengurusan hutan yang dilakukan oleh FPMU Segan menurut standard Kriteria dan Petunjuk bagi Pensijilan Pengurusan Hutan Perladangan di Malaysia di Malaysia [MC&I (Hutan Perladangan)] berkaitan dengan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sesalinan standard ini boleh didapati di laman sesawang Malaysian Timber Certification Council (MTCC) www.mtcc.com.my. Audit pensijilan semula akan dijalankan pada 17 - 20 Februari 2020.

Maklumat FPMU Segan adalah seperti berikut:

Lokasi	Daerah Tatau, Sarawak
Saiz FPMU	10,800 ha
Jenis Hutan	Hutan Perladangan
Spesies Utama	<i>Acacia mangium and Eucalyptus pellita</i>
Sistem Pengurusan Hutan Semasa	<i>Sustainable Forest Management (SFM)</i>

Kumpulan penilai yang ditugaskan untuk menjalankan penilaian terhadap FPMU tersebut adalah;

- 1) Mohd Annas Amin Hj Omar – *Trainee Lead Auditor*
- 2) Mohd Razman Salim – *Auditor*
- 3) Dr Lim Hin Fui – *Auditor*

Berikut adalah penerangan ringkas proses dan jadual penilaian:

1. Jemputan kepada umum untuk meminta memberikan komen terhadap FPMU;
2. Perancangan penilaian dan semakan dokumen;
3. Penilaian lapangan ke atas beberapa sampel kawasan hutan dan operasi di dalam FPMU;
4. Perundingan pemegang berkepentingan melibatkan temubual tertutup, perbincangan atau mesyuarat kumpulan kecil bersama penduduk tempatan di sekitar FPMU;
5. Mesyuarat penutup dengan wakil FPMU untuk membentangkan penemuan awal penilaian;
6. Penyediaan draf laporan penilaian yang menerangkan proses penilaian, penemuan dan cadangan ke atas pensijilan;



SIRIM, 170711201, GS, 0302999, CR, 00
 SIRIM, 170211291, EMS, 0102802, CR, 00
 SIRIM, 170211202, ISO, 90012008, CR, 00
 SIRIM, 170211203, ISO, 140012008, CR, 00
 SIRIM, 170211204, ISO, 450012008, CR, 00
 SIRIM, 170211205, FPMU, 2012003, CR, 00
 SIRIM, 170211206, FPMU, 2012003, CR, 00
 SIRIM, 170211207, FPMU, 2012003, CR, 00
 SIRIM, 170211208, FPMU, 2012003, CR, 00
 SIRIM, 170211209, FPMU, 2012003, CR, 00
 SIRIM, 170211210, FPMU, 2012003, CR, 00
 SIRIM, 170211211, FPMU, 2012003, CR, 00
 SIRIM, 170211212, FPMU, 2012003, CR, 00

MS/ISO/IEC 17025
 CALIBRATION TESTING
 SAMM NO.005 SAMM NO.008
 SAMM NO.007 SAMM NO.215
 SAMM NO.730 SAMM NO.218
 SAMM NO.754 SAMM NO.377

MS/ISO/IEC 17020
 MSAQ NO.003

674

7. *Peer review* ke atas draf laporan penilaian oleh dua *peer reviewers* bebas;
8. Penyerahan laporan akhir penilaian kepada Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan SIRIM QAS International; dan
9. Pendedahan ringkas kepada umum, sekiranya pensijilan diberikan kepada FPMU tersebut.

Sebagai salah satu daripada bahagian terpenting dalam proses pemantauan pengurusan hutan, SIRIM QAS International mengundang semua pemegang berkepentingan untuk memberi pendapat dan maklumbalas ke atas amalan pengurusan hutan dari FPMU Segan berpandukan [MC&I (Hutan Perladangan)]. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti di bawah:

1. Perlindungan alam sekitar;
2. Pemuliharaan kepelbagaiannya biologi;
3. Peluang pekerjaan;
4. Hubungan komuniti dan hak pekerja;
5. Manfaat dari hutan;
6. Hubungan anda dengan FPMU;
7. Cadangan penambahbaikan.

Semua pihak berkepentingan yang ingin memberikan input dan komen boleh juga melayari laman sesawang SIRIM QAS International di www.sirim-qas.com.my, atau menghubungi pegawai yang menandatangani surat ini untuk memberi komen atau input secara rahsia. SIRIM QAS International mengalu-alukan maklumbalas, baik positif maupun negatif melalui surat, faks atau emel. Walau bagaimanapun, SIRIM QAS International berharap untuk menerima ulasan atau maklumbalas sebelum atau semasa pemantauan dijalankan dengan menggunakan slip jawapan yang dilampirkan bersama surat ini. Maklumbalas daripada anda amat berharga buat SIRIM QAS International dalam mana-mana tahap proses penilaian.

Segala komen dan maklumbalas anda akan disimpan sebagai sulit oleh SIRIM QAS International dan kumpulan penilai. SIRIM QAS International amat berbesar hati untuk menerima maklumbalas daripada anda.

Kami menghargai usaha dan pandangan anda.

Yang benar,

KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan

Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

No. Tel : 03-5544 6448

No. Faks : 03-5544 6763

Email: kamini@sirim.my

SLIP JAWAPAN

Tarikh :

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
Bangunan 4, Kompleks SIRIM
No.1, Persiaran Dato' Menteri
40700 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

(u/p : KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY)

No. Faks: 03-5544 6763

Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pensijilan Semula Pengurusan Hutan Perladangan Untuk Unit Pengurusan Hutan Perladangan (FPMU) Segam

Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami mempunyai komen/tidak mempunyai sebarang komen terhadap Unit Pengurusan Hutan Perladangan (FPMU) Segam untuk ditentusahkan oleh kumpulan pemantauan yang ditugaskan semasa audit pensijilan semula kelak.

Komen adalah seperti berikut : (sila sertakan lampiran jika ruangan di bawah tidak mencukupi)

Pihak kami juga memberi kebenaran/tidak memberi kebenaran kepada SIRIM QAS International untuk mendedahkan identiti organisasi di dalam laporan audit dan rumusan umum (*public summary*) ke atas FPMU Segam.

Nama : _____

Jawatan : _____

Organisasi : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____